

Tahun 2011		
Kumpulan KMK/KIK	MIGHTY RAJANG Ditubuhkan pada tahun 2010	
Bahagian	JPS Bahagian Sibul /Kapit	
Ahli Kumpulan	Penasihat Fasilitator Ketua Kumpulan Setiausaha Ahli	Ir. Ting Sing Kwong Hiew Si Tien Nurhisyam Bin Ramlan Irmas Binti Inggal Sharifah Hazimah Binti Wan Ismail Roziah Rafaie Jawa Emang Lee Chai Teck Ngu Hieng Kuong Clarence Aronio
Tajuk Projek	Projek SLASH 2.0 - Kerja Penyelenggaraan Rumah Pemotong Rumput Terlalu Lama	
Keterangan Projek	Di kebanyakan skim JPS, traktor melakukan 2 fungsi utama iaitu menebas rumput dan membawa minyak atau peralatan berat untuk kegunaan Jengkaut. Untuk fungsi menebas rumput terdapat 2 elemen yang penting iaitu kotak gear beserta dengan shaft fleksible dan rumah pemotong rumput. Ahli kumpulan merasakan kotak gear beserta shaft fleksible sukar untuk ditambah baik. Oleh itu, kumpulan KIK akan memfokuskan kepada rumah pemotong rumput. Hasil daripada analisis proses kerja semasa yang dilakukan mendapati kerja-kerja penyelenggaraan memerlukan sekurang-kurangnya 3 minggu untuk dilakukan. Ini merupakan suatu tempoh yang agak lama memandangkan rumput di permatang mulai memanjang dalam tempoh 2 minggu dari tarikh akhir ditebas. Kebiasaannya, apabila traktor tidak dapat menebas rumput, pegawai menguasai akan mengarahkan operator terbabit bersama seorang kakitangan yang lain untuk menebas rumput menggunakan enjin penebas rumput yang dibekalkan sebanyak 2 buah ke setiap skim. Namun kerja ini amat perlahan dan kebiasaannya belum sampai satu pusingan, rumput sudah mulai memanjang di kawasan permulaan. Sekiranya ini berlarutan sehingga berbulan-bulan, maka rumput di atas permatang akan menjadi panjang dan tidak terkawal. Ini akan menyukarkan para petani/pekebun untuk mengakses kebun mereka sekaligus menyukarkan hasil untuk dibawa keluar dan menjatuhkan imej jabatan di mata orang ramai. Berdasarkan ini, mana-mana kerja penyelenggaraan rumah pemotong rumput yang melebihi 1 bulan adalah dianggap terlalu lama. Bagi menyelesaikan masalah tersebut, SLASH 2.0 telah direka bagi mengurangkan tempoh kerja-kerja penyelenggaraan rumah pemotong rumput.	

Pencapaian Projek dari segi :	<u>A. Penjimatan masa</u> <u>Sebelum penyelesaian</u> Tempoh penyelenggaraan = 11 hari <u>Selepas penyelesaian</u> Tempoh penyelenggaraan = 7 hari <u>B. Penjimatan kos</u> <u>Kos Buruh</u> RM1,600 - RM 210 = RM1,390 <u>Kos Bahan Mentah</u> RM 665 - RM 400 = RM 265 Oleh itu, penjimatan kos adalah sebanyak; RM 1,390.00 + RM 265.00 = RM 1,655.00 / kerja penyelenggaraan Selain daripada kos di atas, terdapat penjimatan pada kos pengangkutan dan kos berulang seperti berikut :- <u>Kos Pengangkutan</u> RM 300 - RM 210 = RM 90.00 <u>Kos berulang</u> Sebelum = RM 2,700.00 Selepas = Tiada Oleh itu, Penjimatan adalah sebanyak RM 2,700 + RM 90.00 = RM 2,790.00 / jangka hayat RPR
Kategori	Teknikal
Konvensyen	Konvensyen KMK dan Inovasi Peringkat JPS Kebangsaan 2011 di JPS Ampang, Kuala Lumpur Pencapaian : PESERTA
Gambar Projek	Rekabentuk SLASH 2.0 sebelum pemasangan



SLASH 2.0 selepas pemasangan (Pandangan hadapan)



SLASH 2.0 selepas pemasangan (Pandangan Sisi)